



## مجلس باندرای ملاک برسجاره

### MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

#### KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod dan bidang pendaftaran yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja berikut :

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<b>MBMB/SH/2022/10</b>  <b>PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN SKRIP, MERAKAM DAN MENYUNTING FILEM PENDEK HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2022 BAGI MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH</b>  <b>TARIKH KELULUSAN : 3/2/2022</b>  <b>MBMBJPKK.400-10/2/195</b>	<b><u>KEMENTERIAN KEWANGAN</u></b>  <b>221302 – Rakaman</b>  ATAU  <b>221303 – Fotografi</b>  ATAU  <b>221304 – Audio Visual</b>  ATAU  <b>221308 – Dokumentasi dan Panduarah</b>	<b><u>HARGA</u></b>  <b>RM20.00</b> * Tidak akan dikembalikan  <b><u>TARIKH</u></b>  <b>8 Februari 2022 (Selasa)</b> sehingga <b>10 Februari 2022 (Khamis)</b>	<b>TIADA</b>	<b><u>TARIKH</u></b>  <b>10 Februari 2022 (Khamis)</b> <b>pada jam 12.00 tengahari</b>  Serahan tangan : Peti Tawaran Berhadapan Papan Notis Dewan Taming Sari, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.  -----  Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah sebut harga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebut harga secara dalam talian dengan harga RM20.00 bermula pada **8 Februari 2022 (Selasa)** sehingga **10 Februari 2022 (Khamis)**

Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (berhadapan Papan Notis Dewan Taming Sari)**. Jika sebut harga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,  
**DATUK BANDAR**  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PPKK  
Ketua Audit Dalam